

Modul Pembelajaran Kendiri – Rekod Tak Lengkap (Kaedah Perbandingan)

Soalan Percubaan SPM Prinsip Perakaunan 2012 - Negeri Kedah

5. (b) Encik Seng Lee pemilik Kedai Runcit Lee di Taman Makmur, Jitra, Kedah. Beliau menyimpan rekod perakaunan tidak mengikut sistem catatan bergu. Berikut ialah maklumat kewangan perniagaan Encik Seng Lee pada 31 Mac 2012:

	1 April 2011	31 Mac 2012
	RM	RM
Premis	25 000	25 000
Perabot	7 650	?
Penghutang	21 240	24 765
Stok	9 842	12 146
Pemiutang	16 350	18 220
Bank	5 325	8 793
Kadar bayaran terakru	-	236
Modal	52 707	?

Maklumat tambahan:

- Encik Seng Lee telah membawa masuk perabot rumahnya RM1 860 ke dalam perniagaan.
- Pada tahun ini beliau telah mengambil barang niaga RM890 dan tunai RM650 untuk kegunaan sendiri.
- Baki akaun seorang penghutang RM205 dihapus kira sebagai hutang lapuk kerana mufliis.
- Semua perabot disusutnilaikan 10% atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Penyata Mengira Modal Pada 31 Mac 2012.
- (ii) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2012.

(8 markah)

Konsep Penting yang perlu dikuasai:

1. Mengira modal awal dan modal akhir (ekuiti pemilik).

Rumus mengira modal dibentuk daripada persamaan perakaunan iaitu

Aset = Liabiliti + Ekuiti Pemilik, lalu diubahsuai mengikut kaedah algebra menjadi

$$\text{Ekuiti Pemilik} = \text{Aset} - \text{Liabiliti}$$

Untuk mengira **modal awal**, pelajar perlu menjumlahkan item aset pada awal tahun (rujuk tarikh pada soalan) dan menolak dengan jumlah item liabiliti pada awal tahun. Biasanya, **tiada pelarasan** yang terlibat dalam pengiraan modal awal. Jika modal awal telah diberikan di dalam soalan, langkah ini boleh diabaikan.

Untuk mengira **modal akhir**, pelajar perlu menjumlahkan item aset pada akhir tahun (rujuk tarikh pada soalan) dan menolak dengan jumlah item liabiliti pada akhir tahun. Pelajar perlu merujuk maklumat tambahan untuk pelarasan aset atau liabiliti kerana **pelarasan mesti dibuat** untuk mendapatkan nilai bersih aset atau liabiliti sebelum mengira modal akhir.

2. Rumus Penyata Mengira Untung atau Rugi.

Pelajar telah mempelajari sewaktu Tingkatan 4, bahagian Ekuiti Pemilik, Kunci kira-kira adalah seperti berikut:

Ekuiti Pemilik	RM
Modal Awal	xx
+ Untung bersih	xx
+ Modal tambahan	xx
- Ambilan	(xx)
Modal Akhir	<u>xx</u>

Rumus untuk mengira untung atau rugi kaedah perbandingan adalah dibentuk daripada petikan Kunci Kira-kira di atas. Tulis semula dalam bentuk ayat matematik:

$$\text{Modal Awal} + \text{Untung bersih} + \text{Modal tambahan} - \text{Ambilan} = \text{Modal akhir}$$

Jadikan **Untung bersih** sebagai perkara rumus mengikut kaedah algebra

$$\text{Modal Awal} + \text{Untung bersih} + \text{Modal tambahan} - \text{Ambilan} = \text{Modal akhir}$$

Rumus mengira untung atau rugi bersih menjadi:

$$\text{Untung bersih}^* = \text{Modal akhir} + \text{Ambilan} - \text{Modal Awal} - \text{Modal Tambahan}$$

* Untung bersih jika jawapan positif dan rugi bersih jika jawapan negatif

Sekarang mari mehamami butiran di dalam soalan:

5. (b) Encik Seng Lee pemilik Kedai Runcit Lee di Taman Makmur, Jitra, Kedah. Beliau menyimpan rekod perakaunan tidak mengikut sistem catatan bergu. Berikut ialah maklumat kewangan perniagaan Encik Seng Lee pada 31 Mac 2012:

	1 April 2011	31 Mac 2012
	RM	RM
Premis <i>aset</i>	25 000	25 000
Perabot <i>aset</i>	7 650	?
Penghutang <i>aset</i>	21 240	24 765
Stok <i>aset</i>	9 842	12 146
Pemiutang <i>liabiliti</i>	16 350	18 220
Bank <i>aset</i>	5 325	8 793
Kadar bayaran terakru <i>liabiliti</i>	-	236
Modal	52 707	?

Maklumat tambahan:

- Encik Seng Lee telah membawa masuk perabot rumahnya RM1 860 ke dalam perniagaan.
- Pada tahun ini beliau telah mengambil barang niaga RM890 dan tunai RM650 untuk kegunaan sendiri.
- Baki akaun seorang penghutang RM205 dihapus kira sebagai hutang lapuk kerana muflis.
- Semua perabot disusutnilaikan 10% atas kos.

PELARASAN: Perlu ditolak daripada jumlah perabot

Jawapan:

(i) **Penyata Mengira Modal Pada 31 Mac 2012.**

Berikut adalah pelarasan yang perlu diselesaikan terlebih dahulu:

a) Susut nilai perabot = (RM7650 + RM1860) x 10% = RM951

Baki awal perabot *Perabot dibawa masuk*

Nilai buku perabot = RM9510 – RM951 = RM8559

b) Nilai bersih penghutang = RM24765 – RM205 = RM24560

Baki akhir penghutang *Hutang lapuk*

Sekarang lihat petikan soalan untuk mengenalpasti maklumat yang diperlukan.

Petikan soalan:

Berikut ialah maklumat kewangan perniagaan Encik Seng Lee pada 31 Mac 2012:

	1 April 2011	31 Mac 2012
	RM	RM
Premis <i>aset</i>	25 000	25 000
Perabot <i>aset</i>	7 650	? 8559
Penghutang <i>aset</i>	21 240	24 765 24560
Stok <i>aset</i>	9 842	12 146
Pemiutang <i>liabiliti</i>	16 350	18 220
Bank <i>aset</i>	5 325	8 793
Kadar bayaran terakru <i>liabiliti</i>	-	236
Modal	52 707	?

*Maklumat untuk menyediakan **Penyata Mengira Modal Pada 31 Mac 2012** telah diwarnakan kuning. Jangan tersalah mengambil nilai ringgit pada 1 April 2011. Perhatikan pada 31 Mac 2012, nilai perabot dan penghutang telah digantikan dengan nilai baru daripada pelarasan.

Jawapan akhir adalah seperti berikut:

		Kedai Runcit Lee	
		Penyata Mengira Modal Pada 31 Mac 2012	
		RM	RM
<i>Senaraikan semua aset dan jumlahkan</i>	Aset		
	Premis	25000	
	Perabot	8559	
	Penghutang	24560	
	Stok	12146	
	Bank	8793	
			79058
<i>Senaraikan semua liabiliti dan jumlahkan</i>	Tolak: Liabiliti		
	Pemiutang	18220	(-)
	Kadar bayaran terakru	236	
			18456
<i>Jumlah aset - jumlah liabiliti</i>	Modal Pada 31 Mac 2012		60602

(ii) **Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2012.**

Jawapan ini dibentuk daripada rumus:

$$\text{Untung bersih} = \text{Modal akhir} + \text{Ambilan} - \text{Modal Awal} - \text{Modal Tambahan}$$

Kedai Runcit Lee	
Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2012.	
	RM
Modal akhir ¹	60602
(+) Ambilan ²	1540
	62142
(-) Modal Awal ³	(52707)
(-) Modal Tambahan ⁴	(1860)
Untung bersih ⁵	7575

Nota kepada jawapan (ii):

1. Modal akhir diambil daripada jawapan Penyata Mengira Modal.
2. Ambilan diambil daripada maklumat tambahan (ambilan barang niaga RM890 ditambah dengan ambilan tunai RM650).
3. Modal awal ialah modal pada 1 April 2011 seperti di dalam soalan.
4. Modal tambahan ialah daripada maklumat tambahan (perabot dibawa masuk).
5. Untung bersih kerana jawapan adalah angka positif.